

10 AUG 1999

Mahathir-PAS

PAS DIPIMPIN OLEH ORANG KURANG PENGETAHUAN AGAMA, KATA MAHATHIR

MELAKA, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindak-tanduk Menteri Besar Kelantan dan Murshid Am Pas Datuk Nik Aziz Nik Mat menunjukkan beliau mempunyai sedikit pengetahuan mengenai agama Islam.

Perdana Menteri berkata banyak perkara yang dilakukan oleh pemimpin Pas itu bukan sesuatu yang harus dilakukan oleh orang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang Islam tetapi oleh orang yang mempunyai sedikit pengetahuan mengenai agama Islam.

"Saya kata Nik Aziz mempunyai sedikit pengetahuan berkenaan agama Islam kerana kalau dia mempunyai pengetahuan mendalam, dia tidak akan mengeluarkan macam-macam perkataan yang tidak diizinkan oleh agama Islam," katanya semasa berucap pada majlis perjumpaan dengan rakyat di Tangga Batu di sini.

Dr Mahathir mengulangi cabarannya supaya Nik Aziz membuktikan terdapat ayat Al-Quran yang membenarkan perkataan "Shit" atau perkataan mencarut seperti yang terdapat dalam buku satira karangan Datuk Shahnun Ahmad itu.

Malah, katanya, Nik Aziz sekarang telah memutar-belitkan apa yang diucapkan oleh Nabi. Nabi berdoa agar orang lain menjadi buta semasa beliau keluar dari Mekah agar mereka tidak melihat pemergiannya, tetapi Nik Aziz pula berdoa kepada Tuhan supaya membutakan mata orang yang tak sokong PAS, supaya tidak nampak selain daripada "bulan," lambang PAS.

Secara sinis Perdana Menteri berkata jika doa itu dimakbulkan Tuhan, maka pada pilihan raya kelak, orang yang hendak mengundi akan nampak semua lambang sebagai bulan termasuk lambang BN, dacing. Dengan itu mereka juga akan memangkah BN kerana nampak ia sebagai lambang PAS.

Beliau berkata Nik Aziz juga sekarang berkata bahawa orang Umno kafir sedangkan sebelum ini beliau berkata hanya orang yang ekstrim dalam parti itu berbuat demikian.

"Apakah hak Nik Aziz mengkafirkan orang yang mengucapkan dua kalimah shahadah... siapa yang memberi kuasa dengan sekali gus dan begitu mudah sekali mengkafirkan berjuta-juta orang Islam."

"Siapa Nik Aziz ini boleh mengkafirkan orang yang beribadat, mengucapkan dua kalimah shahadah, ikut segala arahan agama dan buat ibadat seperti yang dikehendaki oleh agama Islam," kata Perdana Menteri.

"Tetapi Nik Aziz dengan mudah kafirkan kita semua. Inilah orang yang dakwa dirinya ulama dan hendak ulama sahaja sebagai pemerintah," katanya.

Dr Mahathir yang berucap di hadapan lebih 15,000 orang berkata Nik Aziz tidak harus mempermainkan atau memutar-belitkan ajaran Islam, ayat Quran dan sebagainya.

Beliau berkata baru-baru ini Menteri Besar Kelantan itu menasihatkan kepada pensyarah PAS supaya tumpukan kepada ajaran agama, "tetapi kita tahu yang disampaikan oleh pensyarah PAS bukan agama, bukan ajaran agama tetapi ajaran parti PAS yang berlainan dengan agama."

"Sebab itu dalam ajaran agama yang disampaikan oleh PAS, tuhan boleh berkata 'Shit,' boleh berkata taik dan lain-lain perkataan yang saya tidak tergamak menyebutnya di sini," kata Dr Mahathir.

Katanya perbuatan PAS menghasut pelajar universiti, pekerja dan semua orang supaya tidak berterima kasih adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang mahu supaya umatnya bersyukur kerana dengan bersyukur, Tuhan akan kurniakan lebih banyak nikmat.

PAS mahu ulama memerintah negara, sedangkan dalam negara demokrasi tidak dikhaskan kepimpinannya, siapa pun boleh jadi pemimpin, kata beliau.

Sebenarnya dalam PAS, jawatankuasa tertinggi tiada hak, yang ada hak hanya Nik Aziz dengan badan ulama sahaja, katanya.

"Dia (Nik Aziz) yang menentukan gerak-geri PAS dan kini ingin memanjangkan susunan pentadbiran parti PAS itu kepada negara kita supaya hanya mereka sahaja berhak memerintah," kata Dr Mahathir.

Menurut Dr Mahathir sebenarnya kita tidak boleh berkata kita sahaja yang tahu orang lain tidak tahu dan saya tidak berkata saya boleh buat segala-galanya.

Beliau berkata semasa negara menghadapi kegawatan ekonomi, "apa nasihat Nik Aziz dan parti PAS selain daripada (Datuk) Fadzil Noor (Presiden PAS) yang kata kita perlu sembah IMF."

"PAS mahu menyerah negara kita kepada IMF supaya IMF menguasai negara ini. Dia tidak berhak menyerahkan kemerdekaan kita kepada orang lain, bukan haknya menyerah negara kita kepada IMF," tegas Dr Mahathir.

"Dia tidak mempunyai idea pemikiran untuk mengatasi masalah serangan ke atas matawang kita tetapi kita berjaya menciptakan pendekatan kita sendiri untuk melawan IMF dan segala usaha menjajah kita semula...kita tidak pernah dapat satu apa pun daripada PAS, daripada segi pemikiran atau apa-apa," katanya.

Beliau berkata parti pembangkang itu rela terima sahaja serangan daripada orang asing malah sanggup pula bekerjasama dan begitu ghairah kerana media asing menyokong PAS dan parti lawan.

"Mereka bekerjasama dengan orang asing untuk menjajah semula negara kita... bolehkah kita terima parti yang semacam itu?" tanya beliau.

Mengenai cadangan Fadzil untuk melelong Putrajaya bagi mendapatkan wang menampung biasiswa pelajar jika parti itu memerintah negara, Perdana Menteri berkata apabila mereka sudah habis menjual Putrajaya, mereka "hendak jual negara juga."

"Inilah parti yang sudah bangkrup dari segi pemikiran," katanya sambil menegaskan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menjual apa-apa untuk menyediakan perbelanjaan biasiswa pelajar.

-- BERNAMA

MOZ ES NMO